

Bajet 2017: PM mahu idea rakyat

KUALA LUMPUR 6 Sept. - Rakyat negara ini dijemput untuk bersama-sama menyumbangkan cadangan dalam penyediaan Bajet 2017 yang dijangka dibentangkan Oktober depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di laman Twitter memberitahu laman khas #Bajet2017 kini sedia untuk menerima cadangan serta idea mengenai Bajet 2017.

"Ayuh cadangan diperlukan, kongsi di <https://bajet2017.najibrazak.com> mulai 5 hingga 19 September ini," kata beliau dalam catatan di laman Twitter.

Melalui tinjauan di laman <https://bajet2017.najibrazak.com> itu, netizen mula berkongsi pandangan dan idea untuk memantapkan lagi Bajet 2017.

Antara 15 cadangan dikemukakan daripada netizen yang mendapat undian paling tinggi di laman tersebut ialah mewujudkan semua pemberian rebat bagi bayaran balik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), memberikan

Waktu Solat

Majlis Baitul Sarjanah Baitul Makmur
Pembina Kemajuan Amn

SUBUH SYURUK-ZO'UR ASAR MAGHRIB ISYAK

KUALA LUMPUR

dan kawasan sewaktu dengannya

5.51 7.06 1.14 4.18 7.18 8.27

PULAU PINANG

dan kawasan sewaktu dengannya

5.55 7.10 1.19 4.19 7.23 8.33

KUANTAN

dan kawasan sewaktu dengannya

5.45 7.02 1.09 4.13 7.12 8.21

JOHOR BAHRU

dan kawasan sewaktu dengannya

5.43 6.59 1.05 4.12 7.08 8.18

KUCHING

dan kawasan sewaktu dengannya

5.18 6.34 12.40 3.47 6.43 7.53

lebih peruntukan bagi bidang pendidikan, mewujudkan elaun khas bagi pekerja yang telah diberhentikan kerja serta penganggur serta lain-lain.